

24 NOV 2001

Mahathir-Bahrain

UTUSAN KHAS BAHRAIN KUNJUNGI PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan pertemuan selama 40 minit dengan Utusan Khas Bahrain ke Malaysia Shaikh Salman Al-Khalifah bin Al-Khalifa di pejabatnya di sini hari ini.

Shaikh Salman melakukan kunjungan itu untuk menyampaikan sendiri ucapan takziah kerajaan Bahrain di atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Rabu lepas.

Kedua-dua pemimpin mengambil kesempatan untuk berbincang mengenai kerjasama dua hala dan cara-cara untuk mempererat lagi hubungan antara Malaysia dengan Bahrain, kata Setiausaha Kementerian Luar bagi Asia Barat dan Afrika Utara Datuk Wan Yusof Embung kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Katanya, Dr Mahathir juga memberi jaminan kepada Utusan Khas itu bahawa Kerajaan Malaysia akan membantu kerajaan Bahrain dalam bidang teknologi maklumat, pembangunan pelabuhan serta penubuhan sebuah pusat pameran di negara yang kaya dengan hasil minyak itu.

"Utusan Khas itu juga ingin mengetahui pendirian Dr Mahathir mengenai keganasan dan cara-cara mengatasi masalah sejagat itu yang muncul kebelakangan ini," katanya.

Wan Yusof berkata Dr Mahathir juga memberitahu Shaikh Salman yang beliau ingin melihat masyarakat Islam dari seluruh dunia bersatu untuk menentang ketidakadilan yang dilakukan terhadap mereka.

"Perdana Menteri juga memberitahunya (Shaikh Salman) bahawa beliau telah menulis kepada Presiden Amerika George W. Bush, Perdana Menteri Britain Tony Blair dan Presiden Perancis Jacques Chirac untuk memaklumkan kepada mereka pendirian Malaysia dalam usaha menentang keganasan," katanya.

Wan Yusof berkata kedua-dua pemimpin itu sependapat bahawa penentangan terhadap keganasan perlu dimulakan daripada puncanya dan bukannya dibuat secara berkala.

Dr Mahathir memberitahu Shaikh Salman bahawa Barat kini telah membuka mata mereka terhadap Islam dan bersedia untuk mendengar apa yang ingin dinyatakan oleh negara-negara Islam.

Mengenai isu Palestin, Perdana Menteri memberitahu Utusan Khas itu bahawa kini ia menjadi agenda penting bagi Barat berbanding setahun lalu bilamana ia tidak dipedulikan.

-- BERNAMA

SR NZ SP MOZ